

13 FEB 1999

ABDULLAH HADIRI JAMUAN HARI RAYA JPM

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menghadiri jamuan Hari Raya anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Kelab Bukit Perdana di sini.

Berucap ringkas pada majlis itu, beliau berkata para pegawai dan kakitangan JPM perlu terus menunjukkan teladan kerja yang terbaik kerana mereka bukan sahaja berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri tetapi juga diketuai sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai menterinya.

"Saya percaya dengan semangat setiakawan yang erat yang dapat dilihat pada majlis ini, tidak hairanlah JPM sentiasa memberikan khidmat terbaik selama ini," katanya.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Samsuddin Osman merupakan antara kenamaan yang turut hadir pada majlis itu yang menghidangkan pelbagai juadah tradisional di gerai-gerai yang dihoskan oleh setiap jabatan di bawah JPM.

Majlis itu turut diserikan oleh persembahan nyanyian artis-artis popular termasuk Jay Jay, Ning Baizura dan Safura.

-- BERNAMA

MNY AKD